

Terma & Syarat Promosi 'Untukmu, Delivery Heroes'

1. Promosi '**UNTUKMU, DELIVERY HEROES**' ditawarkan kepada semua kategori Pemandu/Penunggang Motosikal Syarikat Perkhidmatan Penghantaran (warganegara Malaysia sahaja) terbuka untuk lawatan ke Star View bermula dari **1 hingga 31 Oktober 2020**.

2. Harga promosi ini adalah seperti berikut:

Pakej A 'KRU DELIVERY HEROES' –

- Pelawat terdiri daripada kategori Pemandu/Penunggang Motosikal SAHAJA
- Harga promosi adalah **BELI 2 PERCUMA 1** pada harga **RM10.00/seorang** (harga biasa MyKad: RM48.00/seorang)

Pakej B 'DELIVERY HEROES & KELUARGA/RAKAN' –

- Pelawat terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Pemandu/Penunggang Motosikal beserta dengan ahli keluarga atau rakan-rakan
- Harga promosi adalah **BELI 3 PERCUMA 1** pada harga **RM10.00/seorang** (harga biasa MyKad: RM48.00/seorang)

3. Promosi ini sah untuk Pemandu/Penunggang Motosikal Syarikat Perkhidmatan Penghantaran pos dan kurier (barang, makanan dan dokumen serta lain-lain yang berkaitan).

4. Pelawat perlulah menunjukkan bukti pengesahan sebagai Pemandu/Penunggang Motosikal seperti surat akuan syarikat/pas pekerja/aplikasi yang sah ketika pembelian tiket dibuat.

5. Selain lawatan ke Star View, pelawat juga boleh memilih untuk mengunjungi Observation Deck (Pelantar Pemandangan) serta menikmati potongan harga sebanyak 50% (harga biasa MyKad: RM12.00).

6. Lawatan ke Menara Alor Setar tertakluk kepada kapasiti yang dibenarkan serta kekosongan slot lawatan yang ada.

7. Semua pelawat diwajibkan untuk mematuhi garis panduan SOP oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan norma sosial tempatan ketika berada di Menara Alor Setar.

8. Pihak Pengurusan berhak untuk mengubah terma dan syarat sekiranya perlu tanpa notis awal.